

**BELATUK BELACAN KECIL**

Sunda Pygmy  
Woodpecker

FAMILI: Picidae

NAMA SAINTIFIK: *Dendrocops moluccensis*

**CIRI-CIRI**

Individu jantan dewasa bagi sub-spesies *D.m.moluccensis*, ia seakan-akan sama dengan Belatuk Belacan, *D.canicapillus*, tetapi ia bersaiz agak kecil dengan bahagian atas kepala berwarna coklat manakala bahagian tepi atas kepala dan belakang tengkuk berwarna kehitaman, bahagian tepi telinga berwarna coklat kekelabuan gelap. Diperhatikan jalur-jalur di bahagian bawah badan agak tebal dan lebih jelas kelihatan dan mempunyai jalur merah yang pendek di bahagian tepi belakang kepala. Bagi burung juvenil, jalur merah di bahagian tepi belakang kepala agak tidak kelihatan. Bagi burung juvenil pula, bahagian dada dan perut berwarna agak pudar dan lebih coklat dengan jalur-jalur yang agak tidak kelihatan, bahagian hujung paruh bawah mempunyai tanda berwarna hitam. Burung juvenil jantan mempunyai jalur oren-kemerahan di bahagian tepi belakang kepala. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 12.5 sm-13 sm.

**MAKANAN**

Makanan utama spesies ini terdiri daripada serangga pada celah-celah pokok.

**HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan paya bakau, semak di pesisiran pantai, kadang kala kawasan taman; kawasan tanah rendah.

**BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi kawalan kawasan yang tajam *kikikikikiki* atau *trrrr-i-i*.

**PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah dari bulan Mac hingga bulan Ogos pada sepanjang tahun. Sarang adalah pada lubang di bahagian pokok dan ketinggian sarang adalah sehingga 4.5 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 2 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan telur adalah berwarna putih. Anggaran saiz telur adalah di antara 17 hingga 17.5 x 14 mm.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.